

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT, 'LOCAL AGENDA 21'
DAN PEMBANGUNAN MAMPAN
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
BIL.1/2018**

Tarikh : **13 September 2018 (Khamis)**
Masa : **11.00 pagi – 12.30 tengahari**
Tempat : **Bilik Mesyuarat Semarak, Tingkat 4,
Majlis Perbandaran Sepang
Cyberjaya, Selangor**

KEHADIRAN

1. Tuan Muhammad Hafiz bin Shaari, - Pengerusi
Timbalan Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Sepang
2. Encik Lwi Kian Keong,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon KLIA
3. Encik Gun Chee Hui,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Kota Warisan
4. Dr. Teo Lian Seng,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon BBST Selatan
5. Encik Lee Kang Ming,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Timah Langat
6. Encik Mohd Shafinye bin Mohd Nasoha,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Arked
7. Encik Mohd Syamsol bin Md Shariff,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Taman Mas & Putra Prima
8. Encik Rushdan bin Mohamed,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Putra Perdana

9. Encik Hazimun Rahmat bin Mohammad,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Labu
10. Encik Yusop bin Md Dohop,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Bandar Bukit Puchong
11. Encik Mohd Syahrul Amri bin Mat Sari,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Jenderam
12. Inspektor Abul Hasan Bin Ismail
Polis Di Raja Malaysia (PDRM) / Ibu Pejabat Polis (IPD) Daerah Sepang
13. Puan Nurshafira Binti Hamzah
Jabatan Belia dan Sukan Daerah Sepang
14. Puan Nurul Fazlina Binti Rusmi,
Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Sepang
15. Encik Jerry Sevh,
Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Negeri Selangor
16. Encik Steve Anthony Lojuntin
Ketua Unit Tenaga, *Energy Demand Management (EDM) Unit*
Sustainable Energy Development Authority M'sia (SEDA)
17. Encik Norizal Khushairi bin Mohamad Zamri
Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA)
*National Project Manager – Green Technology Application for Low Carbon
Cities (GTALCC), (United Nations Development Program (UNDP) – Government
of Malaysia Partnership)*
18. Encik Mohd Shah Hambali Ariffin,
Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA)
Energy Demand Management (EDM) Unit
19. Ir. Mohamed Adan Yusof,
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Mensilin Green Energy Sdn Bhd
20. Encik Ahmad Zaki Bin Mohamed Adan
Mensilin Green Energy Sdn Bhd
21. Encik Kamarul Azhar,
Mensilin Green Energy Sdn Bhd
22. Puan Sabrah Hasbollah
AJM Planning & Urban Design Group (APUDG)

TURUT HADIR

23. Puan Rozeta binti Md. Yusuf
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
24. YM. Raja Zulhelmi Bin Raja Salleh
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Sepang
25. Encik Mohd Fahmy Bin Tumut,
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, MPSepang
26. Encik Badrul Bin Rahim
Ketua Unit Pusat Setempat (OSC), Majlis Perbandaran Sepang
27. Puan Zelda binti Mohd Zamri,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Majlis Perbandaran Sepang
28. Encik Kuzaini Bin Hamidon
Pengarah, Jabatan Kesihatan dan Persekitaran, Majlis Perbandaran Sepang
29. Encik Noor Halif bin Noor Zan,
Pengarah, Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja, MPSepang
30. Puan Nurhidayati Binti Dahalan
Ketua, Unit Tender dan Kontrak, Majlis Perbandaran Sepang
31. Puan Suhana Binti Mohamad Ghazali
Ketua, Unit Integriti, Majlis Perbandaran Sepang
32. Puan Suhana bin Soib,
Penolong Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, Majlis Perbandaran Sepang
33. Encik Mohamad Shahidan Bin Hashim
Ketua, Unit Pesuruhjaya Bangunan, Majlis Perbandaran Sepang
34. Encik Mohamad Za'im Erham Bin Misswandi
Penolong Pegawai Tadbir, Unit Korporat dan Perhubungan Awam, MPSepang
35. Encik Irwan Rizadi bin Salehaped,
Penolong Jurutera, Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Sepang
36. Cik Sharina binti Daud,
Unit Undang-Undang, Majlis Perbandaran Sepang
37. Encik Saiful Amar bin Mujahid,
Penolong Pegawai Landskap, Jabatan Landskap, Majlis Perbandaran Sepang

38. Encik Ismail Bin Ngajeri,
Penolong Pegawai Senibina Kanan, Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang
39. Puan Habibah,
Jabatan Penguatkuasaan, Majlis Perbandaran Sepang

URUSETIA

40. Encik Mohd Adham bin Hj Mahmood,
Penolong Pengarah@Ketua, Bahagian Teknologi Hijau & Pembangunan Mampan, Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
41. Encik Ibnu Walid bin Zaaba
Penolong Pegawai Perancang Bandar, Unit Bandar Selamat & LA21,
Bahagian Teknologi Hijau & Pembangunan Mampan,
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
42. Puan Norhedawatie Zainuddin,
Penolong Pegawai Perancang Bandar, Unit Teknologi Hijau & Smart City,
Bahagian Teknologi Hijau & Pembangunan Mampan,
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
43. Encik Raja Shamin Bin Raja Mohamed Naguib,
Penolong Pegawai Perancang Bandar, Unit Teknologi Hijau & Smart City,
Bahagian Teknologi Hijau & Pembangunan Mampan,
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
44. Puan Norlizawati Binti Samsuddin,
Penolong Pegawai Perancang Bandar, Unit Pelaburan,
Bahagian Teknologi Hijau & Pembangunan Mampan,
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

45. Encik Muhamad Mizan Adli bin Mohd Noor,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Pinggiran Putra
46. Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.
Ministry of Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change.
47. Malaysian Green Technology Corporation (Greentech Malaysia)
48. PlanMalaysia@Selangor (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor)
49. Pejabat Daerah dan Tanah Sepang

50. Jabatan Imigresen Negeri Selangor
51. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Selangor
52. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Sepang
53. Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Sepang;
54. Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional Daerah Sepang
55. Jabatan Pendidikan Daerah Sepang;
56. Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Sepang
57. Pejabat Kesihatan Daerah Sepang
58. Pejabat Agama Islam Daerah Sepang

1.0 UCAPAN ALU-ALUAN PENGERUSI

Timbalan Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sepang selaku pengerusi mesyuarat mengucapkan selamat sejahtera dan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Tuan Pengerusi mengalu-alukan kehadiran Ahli Majlis, MPSepang yang baru menganggotai ahli Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat, Local Agenda 21, Majlis Perbandaran Sepang.

Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa Jawatankuasa ini lebih memfokuskan aspek-aspek Bandar Selamat, Local Agenda 21 serta aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan Mampan. Tuan Pengerusi juga memohon kerjasama semua pihak khususnya agensi-agensi yang terlibat di dalam Jawatankuasa ini berperanan mengikut fungsi jabatan masing-masing.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL.3/2017

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat, Local Agenda 21 dan Pembangunan Mampan, Majlis Perbandaran Sepang Bil.3/2017 disahkan tanpa pindaan.

3.0 PERKARA BERBANGKIT

3.1 Cadangan Pelaksanaan 'Bike Share'

Merujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor Bil.2/2017 yang bermesyuarat pada 27 November 2017 yang dipengerusikan oleh YB Dato' Teng Chang Kim, EXCO / Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor berhubung perkhidmatan 'Bike Sharing' telah memutuskan perkara berikut :

- i) Mesyuarat bersetuju bahawa pemilihan syarikat penyedia perkhidmatan 'bike sharing' tertakluk kepada PBT dan mengikut Garis Panduan yang ditetapkan
- ii) Mesyuarat bersetuju perkhidmatan Obike ditamatkan kerana tidak mempunyai teknologi 'Geo-Fencing' dan gagal mematuhi syarat yang ditetapkan dan garis panduan kawasan PBT

Tindakan :

Majlis Perbandaran Sepang
Jabatan Perancangan Bandar
Jabatan Penguatkuasaan
Jabatan Kejuruteraan
Jabatan Pelesenan

3.2 Cadangan Usahasama MPSepang dan SEDA Malaysia Bagi Program Low Carbon Building. Pilot Projek Cyberjaya (Online Energy Monitoring System)

Isu 'network' atau internet 'point' di bilik MSB, Bangunan Majlis Perbandaran Sepang telah selesai proses pemasangan network antara Unit Teknologi Maklumat dan pihak SEDA yang telah dilaksanakan pada bulan Oktober 2017. Satu sesi 'Teach-in' akan diadakan kepada Pegawai MPSepang yang terlibat.

Tindakan :

SEDA Malaysia
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang
Unit Teknologi Maklumat, MPSepang

3.3 Cadangan Penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar dan Rendah Karbon Cyberjaya 2025' (Cyberjaya : Smart & Low Carbon City 2025' Untuk Majlis Perbandaran Sepang.

Pelancaran Pelan Tindakan dan Seminar 'Smart City@Sepang' telah selesai dan material seminar boleh dimuat turun di website : smart.mpsepang.gov.my

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Semua Jabatan MPSepang
Jabatan / Agensi Persekutuan / Negeri, Stakeholder / Pemaju Cyberjaya

3.4 Cadangan Latihan Kecekapan Tenaga 'Energy Efficiency' Bangunan Rendah Karbon dan Asas Pengurusan Tenaga Serta Kecekapan Tenaga Kepada Pengurusan dan Teknikal Majlis Perbandaran Sepang Secara Kolaborasi dengan SEDA Malaysia

Satu latihan kecekapan tenaga (MS1525) oleh pihak SEDA akan diadakan dengan pihak MPSepang. Latihan / bengkel ini akan diadakan pada 11-13 Oktober 2018 dengan penglibatan daripada Pegawai dan Kakitangan MPSepang yang terlibat secara langsung dalam Audit Tenaga Bangunan MPSepang. 'Modul Training' akan disediakan oleh pihak SEDA Malaysia dan pembiayaan latihan akan dibiayai oleh pihak MPSepang.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang
Jabatan Khidmat Pengurusan, MPSepang
SEDA Malaysia

3.5 Pelaksanaan Dan Penglibatan Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) Dalam Green Technology Application For The Development Of Low Carbon Cities (GTALCC) Project

Merujuk kepada surat SEDA Malaysia bertarikh 4 Jun 2018, Tiga (3) aktiviti utama di bawah GTALCC ini iaitu :

- i) Sesi Training bagi Penggunaan Aplikasi Sistem 'Smart Waste' Bagi Perumahan Berbilang Tingkat. Pilot Projek di Cyberjaya
- ii) Promosi Urban Farming dan Community Garden
- iii) Selangor Intelligent Transport System (SITS) (Training)

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang
Jabatan Khidmat Pengurusan, MPSepang
Jabatan Landskap, MPSepang
SEDA Malaysia

3.6 Cadangan Pelaksanaan EPC (Energy Performance Contract) Bagi Pemasangan Lampu LED (Light Emitting Diode) Di Cyberjaya Di Bawah Inisiatif 'Smart & Low Carbon City', Majlis Perbandaran Sepang

Masih dalam tindakan Jabatan Kejuruteraan.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan, MPSepang
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang

3.7 Cadangan Pelaksanaan 'Food Waste Composting' Peringkat Majlis Perbandaran Sepang di bawah inisiatif 'Smart & Low Carbon City' MPSepang ; Pilot Projek : Belakang Kafeteria, MPSepang

Bengkel Training for Trainers Food Waste Composting (FWC@Sepang) dan Program Food Waste Composting ini telah dilaksanakan pada 20 Disember 2017. Keberhasilan projek ini akan dipantau oleh Jabatan Perancangan Bandar, Jabatan Landskap dan Jabatan Kesihatan.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar
Jabatan Landskap, MPSepang
Jabatan Penilaian, MPSepang
Pengurusan Kantin MPSepang
Jabatan Kesihatan Persekitaran
Jabatan Kawalan Bangunan

3.8 **Cadangan Kajian Kesejahteraan Penduduk Daerah Sepang oleh Universiti Islam Malaysia (UIM) dan MPSepang**

Mesyuarat secara dasarnya bersetuju terhadap cadangan kaji selidik kesejahteraan bandar ini. Walaubagaimanapun, segala kos membiayai bagi melaksanakan kajian ini adalah di bawah tanggungjawab UIM (Universiti Islam Malaysia). Pihak UIM telah diminta untuk merujuk kepada indikator-indikator pembangunan mampan di dalam Gerbang MURNInet yang telah disediakan oleh PlanMalaysia.

Tindakan :

Universiti Islam Malaysia
Jabatan Perancangan Bandar, MP Sepang
Semua Jabatan

3.9 **Cadangan Pelaksanaan ‘Smart Waste Management di Cyberjaya’ (Pemasangan IOT Di Kebuk Sampah Bagi Perumahan Berbilang Tingkat)**

Latihan penggunaan SMW ini akan diteliti semula selaras dengan proses kerja kutipan sampah telah diambil alih oleh KDEB bermula pada 1 September 2018.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar
Jabatan Kesihatan Persekitaran
GeoInfo Sdn Bhd


4.0 **PERKARA YANG DI BINCANGKAN**

4.1 **KERTAS 1 : Laporan Kajian ‘Waste Processing Detail Site Suitability Study and Business Model in Cyberjaya’ (Kajian ini dibiayai bersama oleh SEDA Malaysia dan MPSepang di bawah Projek GTALCC)**

- Kajian ini telah siap sepenuhnya dan telah dibentangkan oleh Ir Mohamed Adan Yusuf, CEO, Mensilin Green Energy Sdn Bhd iaitu Perunding yang telah dilantik oleh SEDA Malaysia.
- Kajian ini melibatkan projek di bawah GTALCC (Green Technology Application Low Carbon City) dengan peruntukan kajian daripada SEDA Malaysia dan MPSepang dengan kos RM60 Ribu Sahaja. Perincian kos adalah seperti berikut :
 - Profesional Fee kajian : RM50,000 (SEDA Malaysia)
 - Waste Characterisation Study : RM10,000 (MPSepang)

- Hasil daripada kajian ini adalah seperti berikut :

Cyberjaya Waste Charasteristic Profile



- Based on the diagram, Organic Waste is the biggest tangible component of waste followed by Plastic 2D and Paper.
- Organic Waste accounted for almost 50% of total waste in Cyberjaya.
- The least amount of waste present is aluminium can.

Feedstock Analysis & Investment Cost

Top Level Solution	Feedstock Analysis			Investment Cost (RM)
	Daily (MT)	Monthly (MT)	Annually (MT)	
Plastic To Fuel (PTF)	2.91	73.61	883.30	4,000,000.00
Material Recovery Facility (MRF)	3.39	85.78	1,029.32	1,000,000.00
Organic Composter	13.18	333.28	3,999.34	668,000.00
Total	19.48	492.67	5,911.96	5,668,000.00

- The summary of feedstock analysis and investment cost is described in the table.
- Generally, 49.85% of organic waste goes to organic composter or Black Soldier Flies (BSF) bioconversion, 12.83% of waste is being recycled and 11.01% of plastic 2D waste is being feedstock of Plastic to Fuel (PTF).

Cost & Gross Profit

Technologies	Operation Cost (RM/Annum)	Revenue (RM/Annum)	Gross Profit (RM/Annum)
Plastic To Fuel (PTF)	843,274.21	1,364,551.88	521,277.67
Material Recovery Facility (MRF)	897,182.07	1,053,233.67	156,051.60
Organic Composter	471,829.21	721,623.62	249,794.41
Total	2,212,285.49	3,139,409.17	927,123.68

- Infrastructure requirement includes land, cost of electricity, water supply bills and cost construction or rental of building.
- Meanwhile, each top level solution should consider these other costs in order to operate the technology for managing municipal solid waste.

Hasil daripada kajian ini, terdapat empat (4) cadangan teknologi yang disarankan kepada pihak MPSepang, 'Potential Partners' dan 'collaborators' serta strategi pelaksanaan seperti berikut :

(1) Plastic to Fuel (PTF)

Technologies	Proposed Partner/ Collaborator	Implementation Strategy
Plastic To Fuel (PTF)	RF TEMS Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> • MP Sepang to provide needed infrastructure and location for plastic to fuel technology. • MP Sepang to provide segregated plastic 2D to RF TEMS Sdn Bhd as feedstock for PTF conversion system. • The diesel produced could be used by MP Sepang for the usage of transportation in collecting MSW's garbage.

(2) Organic Composter (Composting)

Technologies	Proposed Partner/ Collaborator	Implementation Strategy
Organic Composter	Shence Greentech Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> • MP Sepang is to provide necessary infrastructure and location for bioconversion activity. The proposed land area for managing organic waste is 0.5 acre for 5 MT/day. • MP Sepang to provide and deliver the segregated, sorted and shredded organic waste to Shence Greentech Sdn Bhd at its own cost. • Shence Greentech Sdn Bhd is to charge RM 8.00/MT of segregated, sorted and shredded organic waste input for bioconversion process. • Shence Greentech Sdn Bhd is to be responsible for operating and managing the bioconversion process at its own cost. • Shence Greentech Sdn Bhd will be responsible for bio-security hazard of BSF. • MP Sepang is to collect, pack and market the compost at 50% of selling price as sales profit. • MP Sepang is to promote the compost for marketing purposes at its own cost.

(3) Semi-Auto Material Recovery Facility (Commercial Recycling)

Technologies	Proposed Partner/ Collaborator	Implementation Strategy
Material Recovery Facility (MRF)	DRB Hicom Environmental Services Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> • MP Sepang to invest for the construction and installation of MRF. The segregated waste that can be recycled is sold to the buyers.

(4) Waste Eco Park (Long Term)

Technologies	Proposed Partner/ Collaborator	Implementation Strategy
Waste Eco Park	Nusa Suriamas Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> • Nusa Suriamas Sdn Bhd will discuss with related government agency to implement on wider scale. • MP Sepang is to provide about a 10 acre land area for the location of waste to wealth industrial park. • MP Sepang is to provide reasonable fees to make the project viable.

PROPOSED WORK PLAN

No	Activities
1	Develop Memorandum of Understanding (MOU) with potential collaborators and partners. The potential partners are : <ul style="list-style-type: none"> • RF TEMS Sdn Bhd • Nusa Suriamas Sdn Bhd • DRB Hicom Environmental Services Sdn Bhd • Shence Greentech Sdn Bhd
2	Outline of collaboration work plan : <ul style="list-style-type: none"> • The implementation plan is expected to begin at the end of the year 2018 (November or December 2018). • The potential location is at Cybersouth, Dengkil. • The estimated total land area is 12 acre (PTF - 0.5 acres, MRF - 1.0 acres, Organic Composter - 0.5 acres and Waste to Wealth - 10 acres).
3	Monitor implementation plan
4	Others : Recommendation <ul style="list-style-type: none"> i) There is a need to be diverse sampling of parameter for Waste Characteristic Study. ii) The study area can be expanded to many other areas.

Keputusan Mesyuarat :

- Mesyuarat mengambil maklum penemuan kajian ini dengan mengambilkira perbandingan data daripada Cyberjaya, Kuala Terengganu dan Nasional.
- Mesyuarat mengambil maklum cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dengan mengambilkira penggunaan teknologi, hasil pendapatan dan jumlah pelaburan daripada penggunaan teknologi yang dicadangkan serta ROI (Return of Investment) dalam tempoh masa kurang daripada lima (5) tahun.
- Penggunaan dan cadangan empat (4) teknologi, cadangan rakan strategik dan strategi pelaksanaan ini juga disarankan supaya diselaraskan di peringkat Kementerian dan Negeri supaya dapat diperakukan dan dilaksanakan di peringkat PBT khususnya MPSepang. Pelaksanaan ini juga dijangka dapat mengurangkan masalah 'tapak pelupusan sampah' yang semakin berkurangan serta dapat meningkatkan hasil kepada Majlis melalui konsep 'Waste to Wealth'.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
 Jabatan Kesihatan Persekitaran, MPSepang
 SEDA Malaysia (GTALCC)

4.2 **KERTAS 2 : Cadangan Pertandingan Penjimatan Tenaga Elektrik dan Air Anjuran Majlis Perbandaran Sepang bersama Kerajaan Negeri Selangor (Jawatankuasa Tetap Teknologi Hijau Negeri Selangor)**

a) Objektif Pertandingan

1. Menggalakan penglibatan masyarakat dalam program bandar rendah karbon dan teknologi hijau melalui aktiviti harian di rumah.
2. Memberikan pendidikan dan kesedaran kepada masyarakat mengenai kesan penjimatan tenaga elektrik dan air kepada alam sekitar.
3. Memberikan pendedahan tentang faedah menggunakan aplikasi dan peralatan yang berteknologi hijau dan cekap tenaga.
4. Memberikan pengiktirafan kepada mereka yang melaksanakan amalan penjimatan tenaga

b) Tempoh Penyertaan Pertandingan

Bermula **Julai 2018 sehingga 10 Disember 2018** dan tarikh tutup penyertaan adalah pada 10 Disember 2018. Borang penyertaan boleh diperolehi di *web : smart.mpsepang.gov.my*

c) Implikasi Kewangan

Sebagai tanda penghargaan, Hadiah kepada pemenang adalah dalam bentuk wang tunai seperti berikut .

KATEGORI	Sesebuah	Berkembar	Teres	Berbilang Tingkat
HADIAH (RM)				
Pertama	1,000.00	1,000.00	1,000.00	1,000.00
Kedua	800.00	800.00	800.00	800.00
Ketiga	600.00	600.00	600.00	600.00
Jumlah	2,400.00	2,400.00	2,400.00	2,400.00
JUMLAH KESELURUHAN	9,600.00			

Peruntukan jumlah keseluruhan program ini akan menggunakan peruntukan MPSepang dan Jawatankuasa Tetap Teknologi Hijau Negeri Selangor.

Keputusan Mesyuarat :

Mesyuarat secara dasarnya bersetuju bagi cadangan Pertandingan Penjimatan Tenaga Elektrik Dan Air Anjuran bersama Majlis Perbandaran Sepang dan Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Teknologi Hijau Negeri Selangor. Mesyuarat secara dasarnya juga bersetuju terhadap cadangan hadiah kepada pemenang.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Unit Korporat dan Perhubungan Awam
TNB

4.3 KERTAS 3 : Cadangan Latihan Kecekapan Tenaga 'Energy Efficiency' Bangunan Rendah Karbon dan Asas Pengurusan Tenaga Serta Kecekapan Tenaga Kepada Pengurusan dan Teknikal Majlis Perbandaran Sepang Secara Kolaborasi dengan SEDA Malaysia

Laporan Audit Tenaga bagi Bangunan MPSepang yang telah dilaksanakan oleh Greentech Malaysia pada Mac 2017 telah mengemukakan 10 cadangan (recommendation) kepada pihak MPSepang. Perincian adalah seperti jadual di bawah.

No	Energy Saving Measures	Potential Saving		Investment	Payback Period	CO2 Reduction	Priority
		Energy (kWh)	Cost (RM)	Cost (RM)	Year	Ton/year	
1	Sustainable Energy Management System	17,349	8,831	6,000	0.7	12.9	1
2	Reduce Baseload on after office hour	12,323	6,273	-	-	9.1	1
3	Installed Daylight Sensor to Lift Area	5,141	2,617	1,200	0.5	3.8	1
4	Replacement of FL 18W to FL LED 10W	5,004	1,827	6,755	3.7	3.7	1
5	Replacement PLC 18W to LED 15W	5,623	2,862	7,140	2.5	4.2	1
6	Replacement of FL 36W to FL LED 20W	67,271	24,554	95,130	3.9	49.8	1
7	Replacement of Daily to Weekly Timer at Air Handling Unit (AHU)	4,636	2,360	1,800	0.8	3.4	1
8	Minor Cleaning to Air Cooled Package Unit	16,851	8,577	4,500	0.5	12.5	1
9	Replacement Air Cooled Split Unit to Energy Efficient Air Conditioner	35,438	18,038	87,500	4.9	26.3	2
10	Installed Double Cooling Coil to Outdoor Unit	134,829	68,628	130,000	1.9	99.9	2
TOTAL		304,464	144,564	340,025	2.4	225.6	

Susulan itu, pihak SEDA Malaysia telah mencadangkan Program Latihan Asas Pengurusan Tenaga, Kecekapan Tenaga, Bangunan Rendah Karbon serta Malaysian Standard (MS 1525) kepada Pegawai dan Kakitangan MPSepang. Program yang dicadangkan akan melibatkan latihan asas utama pengurusan tenaga yang terbahagi

Latihan kesedaran **pengurusan dan audit tenaga** di bangunan (*energy management and audit in building*);

- a. Latihan ***Sustainable Low Carbon Building*** dan **pengenalan kepada pengaplikasi dan pemakaian “*Malaysian Standard: Code of Practice on Energy Efficiency and Use of Renewable Energy for Non-Residential Buildings (MS 1525)*”**.

Sesi latihan ini akan diadakan pada **11 dan 12 Oktober 2018**, segala urusan logistik akan diuruskan oleh pihak MPSepang, pihak SEDA Malaysia akan memberikan tenaga pengajar dan modul latihan berkaitan sahaja.

Objektif utama Latihan Kecekapan Tenaga oleh pihak SEDA adalah seperti berikut :

- i. Membantu pihak MPSepang mempertingkatkan kapasiti golongan profesional dan bukan profesional khusus dalam pengurusan dan kecekapan tenaga;
- ii. Menyokong pelaksanaan program rendah karbon di Selangor (pelan tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor (2016 – 2018); dan
- iii. Menjadikan MPSepang sebagai perintis ‘*lead by example*’ dalam inisiatif pengurangan karbon di bandar.

Fungsi utama SEDA Malaysia adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan latihan kesedaran dan teknikal pengurusan dan audit tenaga;
- ii. Menyediakan latihan *Sustainable Low Carbon Building* and *MS1525*;
- iii. Menjadi penasihat teknikal kepada MPSepang dalam pelaksanaan program pengurusan tenaga secara keseluruhan; dan
- iv. Memberi fasilitasi mengenai pelaksanaan sistem penilaian dan penarafan *Sustainable Low Carbon Building* (jika berkaitan).

Keputusan Mesyuarat :

Mesyuarat secara dasarnya bersetuju cadangan Latihan Kecekapan Tenaga Bangunan Rendah Karbon dan Asas Pengurusan Tenaga Serta Kecekapan Tenaga Kepada Pengurusan dan Teknikal Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) yang dicadangkan pada 11 dan 12 Oktober 2018 dengan kerjasama SEDA Malaysia.

Senarai peserta adalah terdiri daripada Jawatankuasa Teknikal ‘Smart & Low Carbon City’ MPSepang yang telah ditubuhkan pada awal Januari 2018.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Khidmat Pengurusan, MPSepang
Semua Jabatan MPSepang

4.4 KERTAS KERJA 4 : Statistik Jenayah Kekerasan/Jalanan dan Jenayah Harta Benda Di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang Bagi Tahun 2018 (Data Januari sehingga Ogos 2018)

Pembentangan disampaikan oleh Inspektor Abul Hasan bin Ismail daripada IPD Sepang dan berdasarkan statistik kes jenayah dan harta benda bagi tahun sehingga Ogos 2018.

Kawasan Hotspot menunjukkan bahawa dalam tempoh (Januari hingga Ogos 2018) bagi kes jenayah harta benda, kawasan Putra Perdana mencatatkan kes paling tinggi iaitu 86 kes dan diikuti dengan BBST sebanyak 52 kes dan Cyberjaya serta Dengkil dengan masing-masing sebanyak 51 kes.

Keputusan Mesyuarat :

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan statistik jenayah yang disampaikan oleh IPD Sepang dan mesyuarat bersetuju terhadap beberapa perkara seperti berikut diambil tindakan sewajarnya :

- 1) Mengenalpasti kaedah yang sesuai untuk mengatasi masalah kecurian motosikal yang semakin meningkat ;
- 2) Mengambil tindakan segera kepada kenderaan yang melanggar lampu isyarat dan diberikan perhatian yang serius oleh pihak PDRM. Program juga boleh dilaksanakan dengan kerjasama JKJR (Jabatan Keselamatan Jalan Raya)
- 3) Kebanjiran warga asing di Putra Perdana perlu dipantau memandangkan kehadiran mereka secara berkumpulan telah menimbulkan ‘fear factor’ atau rasa takut dikalangan penduduk tempatan. Mesyuarat dimaklumkan kebanyakan warga asing ini menyalahgunakan visa pelajar. Warga asing (Negro) didapati paling ramai dan menimbulkan ‘fear factor’ dikalangan penduduk tempatan ;
- 4) Menyegerakan pemindahan Balai Polis Putra Perdana ke Balai Raya yang akan dijadikan Balai Polis ;

- 5) Meningkatkan rondaan oleh pihak Polis khususnya di kawasan Universiti Xianmen, Kota Warisan ;
- 6) Keberkesanan CCTV melalui penyelenggaraan dan pengoperasian perlu dipertingkatkan. Jumlah CCTV yang berfungsi
- 7) Cadangan mengadakan seminar khas (Community Self Defence / Teknik Mempertahankan Diri)

Tindakan :

IPD Sepang / PDRM / Polis Traffic
Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Selangor
Jabatan Imigresen
Jabatan Pengangkutan Jalan
JPP Zon Putra Perdana
JPP Zon Kota Warisan
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang

5.0 HAL-HAL LAIN

Tiada

6.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguh pada jam 1.00 petang